



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

1 Disember 2020

KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) DAN KHAZANAH NASIONAL BAGI KERUGIAN PELABURAN KHAZANAH NASIONAL

- 1) PAC Parlimen membentangkan laporan berhubung tindakan susulan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) terhadap syor-syor yang dikemukakan Jawatankuasa ini, dalam laporannya berhubung Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional di Dewan Rakyat, hari ini.
- 2) Pembentangan laporan tindakan susulan MOF itu, adalah hasil daripada syor yang dikemukakan PAC Parlimen dalam laporannya berhubung Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 23 Oktober lalu.
- 3) Pada 10 November lalu, Datuk Asri Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) dan Datuk Shahril Ridza Ridzuan, Pengarah Urusan Khazanah Nasional telah membentangkan tindakan susulan yang diambil terhadap syor-syor PAC Parlimen yang dikemukakan dalam Laporan PAC Parlimen berhubung Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional.

- 4) Saya mengucapkan terima kasih kepada MOF dan Khazanah Nasional kerana berjaya menepati tempoh masa yang ditetapkan selama tiga bulan untuk memberikan maklum balas terhadap segala syor yang dikemukakan dalam laporan PAC berhubung Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional kepada Jawatankuasa ini.
- 5) Melalui tindakan susulan yang diambil MOF dan Khazanah Nasional terhadap syor-syor PAC membuktikan bahawa segala cadangan dan rumusan Jawatankuasa ini terhadap Kerajaan diberikan perhatian sewajarnya dan tidak dipandang ringan.
- 6) Ia juga sekali gus membuktikan bahawa PAC Parlimen berjaya menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya untuk memastikan segala urusan kewangan, tatacara dan prosedur Kerajaan dipatuhi seperti yang termaktub dalam undang-undang.
- 7) Orang ramai yang berminat untuk membaca dan meneliti Laporan PAC Parlimen mengenai Pembentangan Laporan PAC Parlimen berhubung tindakan susulan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Khazanah Nasional bagi syor-syor berhubung Kerugian Pelaburan Khazanah Nasional boleh memuat turun (*download*) laporan berkenaan di laman web PAC di alamat www.parlimen.gov.my/pac

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh